

Headline	Intai bakat baharu di hoki Piala Tun Razak		
MediaTitle	Berita Minggu		
Date	22 May 2016	Language	Malay
Circulation	125,514	Readership	947,000
Section	Sukan	Page No	8
ArticleSize	206 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 21,222		



# Intai bakat baharu di hoki Piala Tun Razak

## Sekilas Pandang



Oleh Naqib Nor Said  
naqib@bh.com.my

**Di sebalik** kempen pahit sepanjang 2015, arena hoki negara masih boleh diselamatkan dengan syarat Konfederasi Hoki Malaysia (MHC) perlu berani mengambil tindakan drastik untuk melakukan rombakan.

Dengan tinggal kurang dua tahun menjelang Piala Dunia 2018 dan empat tahun bagi Sukan Olimpik Tokyo 2020, masih sempat untuk memulihkan reputasi skuad negara yang 'karam' di persada antarabangsa.

Pentas Kejohanan Hoki Piala Tun Razak edisi ke-54 yang menyingkap tirainya semalam adalah platform terbaik mengesan bakat baharu. Kejohanan ini wajar diutamakan dalam kalendar MHC selepas ini kerana ia menyediakan

kelompok pemain lebih besar berbanding Liga Hoki Malaysia (MHL).

Ini kerana Liga Premier MHL hanya membariskan enam pasukan berbanding 22 pasukan negeri di Piala Tun Razak - satu pasukan 25 pemain, bermakna 300 pemain akan beraksi di kejohanan ini.

Memang tidak boleh dinafikan kelompok pemain ini kurang setanding dengan pemain kebangsaan kerana mereka ini hanya akan mula menjalani latihan intensif apabila terdapat kejohanan saja.

Apa kata sekiranya barisan jurulatih negara memberi peluang kepada muka baharu dan menyeyrap mereka ke skuad pembangunan berbanding amalan sedia ada - meletakkan 'pemain buangan' senior ke dalam pasukan itu.

Selain itu, MHC menerusi pengerusi pertandingan, George Koshy boleh memanjangkan tempoh kejohanan ini secara perlawanan timbal balik. Pada masa sama, pengarah teknikal MHC, Terry Walsh pula boleh memanfaatkan peluang ini untuk berkongsi idea dengan barisan jurulatih negeri untuk menyeragamkan latihan hingga ke peringkat akar umbi.

**Bangunkan sukan hoki** Namun, MHC tidak boleh keseronangan dalam mengembalikan martabat, sebaliknya memerlukan usaha sama syarikat korporat dalam membuat pelaburan besar untuk bangunkan sukan hoki. Contoh terbaik ialah Tenaga Nasional Berhad (TNB) yang menunjukkan kesungguhan menaja sebanyak RM20 juta untuk tempoh lima tahun.

Jadi, wajar syarikat korporat

lain mencontohi TNB kerana penulis pasti dengan 40 peratus dana yang dibelanjakan akan mampu melonjakkan pasukan negara ke dalam kelompok lapan terbaik dunia.

Kini, walaupun mengalami kekangan dana, Malaysia tetap menghuni ranking ke-13 dunia. Bayangkan jika mempunyai dana besar, tentunya skuad negara boleh mendapatkan banyak pendedahan di pentas antarabangsa.

Kepemimpinan baharu MHC juga wajar dipuji kerana sejak mengambil alih, banyak perubahan yang dibawa tetapi itu belum bermakna mereka boleh berasa selesa. MHC perlu mengembalikan kegemilangan Piala Tun Abdul Razak yang pernah menjadi 'kilang' melahirkan pemain terbaik tempatan.